

SYARAT-SYARAT PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA BAGI PENJAJA/ PENIAGA KECIL.

1. Barang dagangan yang dipamerkan tidak boleh menghalang laluan pejalan kaki dan trafik.
2. Gerai perniagaan adalah bukan struktur kekal dan hendaklah ditanggalkan setiap hari selepas tamat tempoh perniagaan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kebenaran permit akan ditarik semula dengan serta-merta.
3. Tidak dibenarkan membina sebarang bangunan/ struktur kekal di tempat yang dibenarkan/ diperuntukkan.
4. Hanya gerai yang bersaiz 10' x10' sahaja dibenarkan bagi setiap pemohon.
5. Kawasan perniagaan yang dibenarkan adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam permit yang telah diluluskan sahaja.
6. Pihak Majlis berhak menerima atau menolak permohonan berdasarkan laporan pemeriksaan yang dipohon.
7. Tiada seorang pun dibenarkan untuk menimbulkan kekacauan.
8. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang laku musnah ke atas produk/ barangan pameran ataupun jualan.
9. Pemegang permit adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan kawasan persekitaran gerai masing-masing. Sampah sarap hendaklah dibuang dengan sempurna ke dalam tong sampah yang disediakan oleh gerai sendiri/ yang diperuntukkan.
10. Semasa berniaga, permit hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat perniagaan.
11. Pemegang permit hendaklah menjalankan perniagaan sendiri dan tidak dibenarkan menyewa permit ini kepada orang lain.
12. Bayaran permit perlu dibayar tiga (3) bulan sekali dan perlu diperbaharui setelah tamat tempoh.
13. Waktu berniaga yang dibenarkan adalah seperti di Jadual 1.
14. Pemegang permit yang berasaskan makanan dan penyediaan makanan dan minuman hendaklah sentiasa mengamalkan etika pemakaian pengendali makanan iaitu memakai apron, topi (headgear,) dan kasut dan sentiasa mengamalkan etika sebagai pengendali makanan serta hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan, wajib mempunyai Sijil Pengendali Makanan, mendapatkan Suntikan Anti-Tifoid dan hendaklah menyertakan dokumen tersebut sebelum permit diluluskan/ dikeluarkan.
15. Pemegang permit juga dikehendaki untuk memastikan kawasan persekitaran perniagaan adalah selamat dan hendaklah memastikan pembeli tidak meletak kenderaan di kawasan sisi jalan di gerai perniagaan dan mengganggu lalulintas.
16. Sekiranya terdapat aduan berkenaan dengan gerai yang menghalang lalulintas/ kotor, pihak Majlis akan membatalkan permit dengan serta-merta seandainya aduan didapati sah dan benar.

SYARAT-SYARAT PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA BAGI PENJAJA/ PENIAGA KECIL.

17. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan daripada pihak ketiga atau sebarang kerugian yang dihadapi oleh pihak pemegang permit sekiranya permit ini ditarik balik. Semua bayaran caj/ fi tidak akan dikembalikan sekiranya keputusan ditarik balik.
18. Pemegang permit hendaklah sentiasa menjaga kebersihan gerai masing-masing dan persekitaran. Sekiranya tidak mematuhi, pemegang permit boleh dikenakan tindakan undang-undang *The Law Authorities (Cleanliness) by-Laws 1999 Part VI* yang boleh dikenakan tindakan minima RM1000 pertama, RM2000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali bagi penalti kedua.
19. Pihak Majlis berhak untuk membatalkan permit pada bila-bila masa jika didapati pemegang permit tidak mematuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan.
20. Pemegang permit atau pekerja haruslah lengkap di vaksin, menyediakan QRCode My Sejahtera/ mematuhi SOP semasa yang dikeluarkan oleh MKN/ JPBNS.
21. Majlis berhak menarik balik/ membatalkan/ tidak memperbaharui permit sekiranya pemegang permit gagal mematuhi syarat yang ditetapkan.

Saya dengan ini bersetuju mematuhi syarat-syarat di atas. Sekiranya saya didapati melanggar syarat-syarat yang berkenaan, permit saya akan dibatalkan oleh pihak Majlis.

Tandatangan Pemegang Permit : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama Saksi : _____

Nama Saksi : _____

No.Kad Pengenalan : _____

No.Kad Pengenalan : _____

Tarikh: _____